

BAHASA MELAYU
UJIAN PEMAHAMAN SET 5
Masa :1 jam

Arahan Am: Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C**, dan **D**. Antaranya, ada **satu** sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu. Kemudian pada **kertas** jawapan kamu, hitamkan ruang yang mempunyai huruf yang sama dengan jawapan yang kamu pilih itu.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca pesanan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sakinah,

Balik dari sekolah nanti, pergilah ke rumah Pak Mat, jiran kita. Emak telah tinggalkan kunci rumah kita di rumahnya. Pagi tadi emak menerima sepucuk telegram. Isi telegram itu menyatakan bahawa nenek kamu sakit tenat, dan meminta emak balik ke kampung dengan segera.

Emak cuba menghubungi ayah kamu di pejabat, namun tidak berjaya. Emak hanya meninggalkan pesan kepada kawannya memberitahu hal ini.

Lauk-pauk sudah emak sediakan dan hidangkan di atas meja, tinggal Sakinah senduk nasi sahaja. Sakinah makanlah. Selepas itu tolong sapu rumah serta basuhlah pinggan mangkuk.

Petang nanti, sementara menunggu ayah kamu balik dari pejabat, tolong angkat kain di ampaian. Emak harap Sakinah lipatlah kain baju itu dan terus simpan di dalam almari.

Apabila ayah kamu balik, beritahulah tentang nenek dan baliklah ke kampung dengan segera. Langsunglah ke hospital Alor Setar, di situlah nenek kamu sedang dirawat.

Dalam perjalanan balik nanti, singgahlah sekejap di rumah Pak Ngah kamu. Suruh ayah kamu mengajak dia balik sama ke kampung. Malam nanti emak harap semuanya telah berada di sana.

Emak.

1 Di manakah Sakinah menerima surat itu?

- A** Di rumah
- B** Di kedai

- C** Di sekolah
- D** Di rumah Pak Mat

2 Kandungan telegram itu yang paling sesuai ialah

- A** Balik segera. Emak sakit tenat.
- B** Balik segera. Nenek sedang dirawat di hospital.
- C** Balik segera. Nenek sakit tenat di hospital Alor Setar.
- D** Balik segera. Bonda sakit tenat di hospital Alor Setar.

3 Apakah yang tidak disuruh oleh emak Sakinah?

- A** Mengambil kunci rumah
- B** Mengemas rumah

- C** Pergi ke rumah Pak Ngah
- D** Membasuh pakaian

4 Sebelum balik ke kampung, apakah yang perlu dibuat oleh ayah Sakinah?

- A** Menelefon ke pejabatnya
- B** Pergi ke hospital Alor Setar
- C** Berhenti seketika di rumah Pak Ngah

- D** Mengangkat kain baju serta menyimpannya

5 Berdasarkan pesanan di atas kita dapati emak Sakinah seorang yang

- A** cermat
- B** baik

- C** prihatin
- D** teliti

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

PESTA COUNTDOWN

Datanglah ke Pesta Countdown di Zoo Negara dan bersama-sama menikmati keseronokan, kemeriahan dengan pelbagai pertunjukan, permainan, pertandingan, dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah yang menarik. Anda juga berpeluang melancong ke Pulau Langkawi jika dapat menjawab soalan-soalan kuiz dengan tepat ; .

Tarikh : Ahad, 19 November 1995.

Masa : Mula pukul 10.30 pagi.

Tujuan : Menyambut kempen "Sayangi Haiwan Kita" dan Ulang Tahun ke-5 Kelab Countdown.

Penganjur : Kelab Countdown, Zoo Negara Malaysia, Persatuan Pencinta Alam dengan kerjasama akhbar Berita Harian dan Merpati Airlines.

Tempat : Zoo Negara.

Peserta : Terbuka kepada ahli-ahli Kelab Countdown dan warga kota yang berusia 9 hingga 12 tahun sahaja.

• •

Cara Penyertaan : Sila daftarkan nama anda di kaunter khas yang akan dibuka di Zoo Negara pada hari tersebut atau jika anda ahli Kelab Countdown, sila telefon pejabat Countdown.

Bayaran : Tiada bayaran masuk untuk menyertai acara-acara itu tetapi kepada pemegang kad Countdown bayaran masuk ke Zoo Negara diberi potongan 20%.

Aturcara :

Pagi : - Pertandingan melukis reptilia yang terdapat di Zoo Negara. Pertunjukan singa laut.

Petang : - Pertandingan kuiz. Soalan-soalan berdasarkan kehidupan haiwan-haiwan yang terdapat di zoo ini.

• • Pertandingan makan ais krim dan minum Coke.

Berhibur dengan badut.

Catatan:

• Hadiah melancong ini ditaja oleh Merpati Airlines. (undian akan dijalankan jika ramai peserta yang dapat menjawab dengan betul untuk menentukan hanya seorang pemenang yang bertuah itu)

• • Buktikan anda warga kota dengan membawa dokumen yang perlu.

• • • Sebelum menjawab kuiz ini anda dikehendaki mendapatkan maklumat-maklumat tentang haiwan yang terdapat di zoo melalui pemerhatian.

6 Jangan lepaskan peluang istimewa ini bermaksud

A Jangan lepaskan peluang ke pesta ini

B Jangan lepaskan peluang ke Zoo Negara

C Jangan lepaskan peluang memenangi hadiah-hadiah

D Jangan lepaskan peluang melancong ke Pulau Langkawi

7 Mengapakah pesta ini diadakan?

A Sempena pembukaan Zoo Negara dan Ulang Tahun Kelab Countdown.

B Sempena Ulang Tahun Kelab Countdown

C Sempena kempen "Sayangi Haiwan Kita"

D Sempena kempen dan merayakan ulang tahun ke-5 Kelab Countdown

8 Jika kamu ingin menyertai pesta itu, bagaimanakah caranya?

A Jika anda bukan ahli kelab Countdown, bawa surat pengesahan daripada ibu bapa

B Mendaftar diri terlebih dahulu

C Menjadi ahli Kelab Countdown terlebih dahulu

D Datang pada waktu yang ditetapkan ke Zoo Negara

9 Apakah dokumen yang perlu dibawa untuk membuktikan seseorang itu warga kota?

- A** Surat daripada ibu bapa
- B** Surat daripada pihak sekolah
- C** Kad Kelab Countdown
- D** Surat Beranak

10 Semua pernyataan berikut **benar** tentang pesta itu **kecuali**

- A** pesta itu diadakan pada hari minggu 19 November 1995
- B** bayaran masuk untuk semua peserta dikurangkan sebanyak 20%
- C** pendaftaran dibuka di kaunter khas di Zoo Negara
- D** hanya satu sahaja hadiah melancong ke Pulau Langkawi disediakan

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Legenda Puteri Gunung Ledang

Ketika aku berdiri di pinggir pekan Sagil
kupandang ke arah Gunung Ledang
yang menyimpan kisah bersejarah
aku terkenangkan peristiwa lampau
Tun Mamat meminang Puteri Gunung Ledang
termengah-mengah ia mendaki
menempuh onak meredah belantara
demi memenuhi impian sang raja.
Pulanglah dan katakan kepada raja
binalah jambatan emas dan perak
merentangi dari sini ke istana Melaka
kumpulkan tujuh dulang hati nyamuk
kumpulkan air mata tujuh tempayan
serta semangkuk darah anaknya
sekiranya terpenuh semua yang kupinta
tertunailah hasrat raja
demikian kata puteri rupawan.
Beta bisa tunaikan semua
permintaan puteri
meskipun habis harta negara
biarpun sengsara rakyat jelata
namun darah puteraku **tiada ternilai**
daripada semua yang dipinta
demikian bicara sang raja
dan punahlah cinta raja
di puncak gunung bersejarah.
dan **kini engkau masih indah**
engkau merakam kisah bersejarah
legenda cinta tak sudah.

11 Apakah kisah bersejarah yang dikaitkan dengan Gunung Ledang?

- A** Gunung Ledang letaknya hampir dengan pekan Sagil
- B** Kawasan Gunung Ledang di bawah takluk kerajaan Melaka
- C** Peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang
- D** Peristiwa lampau yang menarik

12 Puteri Gunung Ledang sudi menjadi isteri raja Melaka sekiranya

- A** hantaran yang disebutkan itu disediakan oleh baginda
- B** mendapat semangkuk darah anak raja Melaka
- C** raja membina sebuah jambatan emas dan perak
- D** rakyat Melaka bersedia memberikan apa-apa yang diminta puteri

13 Sebab utama raja membatalkan niatnya itu ialah

- A** tidak sanggup menyediakan darah puteranya
- B** mengambil kira kesusahan rakyat jelata
- C** negeri Melaka tidak cukup kaya
- D** setelah mendengar nasihat Tun Mamat

14 Frasa **tiada ternilai** dalam puisi di atas bermaksud

- A** darah anaknya tidak ada nilai
- B** nilai darah anaknya tiada bandingan
- C** darah puteranya tidak bernilai
- D** semangkuk darah anaknya ada nilai

15 Maksud "...**kini engkau masih indah**" dalam puisi itu merujuk kepada

- A** kecantikan Puteri Gunung Ledang
- B** kisah cinta yang indah itu
- C** legenda cinta itu memang indah
- D** Gunung Ledang itu indah pemandangannya

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Hadi : Rugi betul kamu semalam.

Leong : Apa yang ruginya?

Siva : Maksud awak, kami rugi kerana tidak menyertai awak ke pameran buku itu?

Hadi : Bukan itu maksud saya. Maksud saya semalam saya pergi ke Tasik Puchong.

Leong : Semalam awak kata hendak pergi ke pameran buku, bila pula awak pergi ke tasik itu?

Hadi : Pada mulanya itulah rancangan saya, tetapi balik dari pejabat, ayah saya mengajak saya ke Tasik Puchong. Katanya ramai orang berkumpul di tepi tasik untuk melihat seekor buaya tembaga.

Siva : Dapatkah awak melihat buaya tembaga itu?

Leong : Besarkah buaya itu?

Hadi : Buaya itu timbul beberapa kali. Nampaknya ia langsung tidak terganggu dengan kehadiran orang ramai. Dianggarkan buaya itu sepanjang lima meter setengah. Itulah maksud kata-kata saya tadi.

Siva : Oh, begitu! Tapi saya rasa tidak rugi apa-apa. Malam tadi ada ditunjukkan suasana di tepi tasik itu serta gambar buaya tembaga itu dalam televisyen.

Hadi : Melihat dengan mata kepala sendiri berbeza dengan melihat di televisyen, Si va.

Leong : Kepada saya sama sahaja, sama ada melihat sendiri atau melihat di televisyen.

Hadi : Apabila kita berada di situ, kita bukan sahaja dapat melihat buaya itu hidup-hidup, malahan dapat melihat gelagat manusia. Ada yang mengambil kesempatan dengan membuka gerai di situ.

Leong : Menurut laporan akhbar, kawasan tasik itu akan dimajukan.

Siva : Perkara yang sama diberitahu dalam televisyen. Kerajaan Selangor bercadang hendak menjadikan tasik itu sebagai pusat pelancongan.

Hadi : Nampaknya selepas ini, kita boleh melihat pelbagai jenis buaya di tasik itu.

Siva : Saya harap begitu juga.

Leong : Ketika itu pantang diajak saya akan pergi ke sana.
(mereka ketawa)

16 Pada pendapat Hadi, kawan-kawannya itu rugi kerana

- A** tidak pergi ke pameran buku
- B** tidak dapat melihat buaya besar di Tasik Puchong
- C** tidak dapat melihat buaya tembaga di Tasik Puchong
- D** tidak dapat pergi ke Tasik Puchong

17 Bilakah Hadi pergi ke tasik itu?

- A** Sebaik sahaja tamat waktu sekolah
- B** Kira-kira pada Pukul 5.00 Petang

- C Pada waktu malam
- D Pada sebelah Pagi

18 Mengapakah Siva berpendapat bahawa dia tidak rugi apa-apa walaupun tidak pergi ke tasik itu?

- A Dia pernah melihat buaya tembaga yang masih hidup
- B Dia dapat melihat gambar buaya tembaga itu di televisyen
- C Dia mati-mati tidak percaya berita buaya di televisyen itu
- D Dia membaca kisah buaya itu yang tersiar dalam akhbar

19 Pernyataan yang manakah **tidak benar** tentang buaya di Tasik Puchong itu?

- A Buaya tembaga itu kira-kira lima meter panjangnya.
- B Laporan tentang buaya itu termuat dalam akhbar.
- C Berita tentang buaya itu disiarkan juga dalam televisyen.
- D Kemunculan buaya di tasik itu telah menarik ramai orang.

20 Kata-kata Leong yang terakhir itu bermaksud

- A Jika dilarang sekalipun dia akan pergi ke tasik itu
- B Jika diajak pada ketika itu, tanpa banyak soal dia terus pergi ke tasik itu
- C Ketika itu tanpa diajak sekalipun dia akan pergi ke sana
- D Jika dicabar oleh Hadi sekalipun dia akan pergi ke sana

Soalan 21 hingga Soalan 25

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong yang bernombor.

Dewasa ini, pencemaran alam sering mendapat 21 daripada semua pihak. Sama halnya dengan pencemaran budaya, pencemaran bahasa, pencemaran alam juga harus diberi 22 yang sewajarnya oleh semua pihak. Ini kerana pencemaran alam menyebabkan kehidupan manusia 23. Pencemaran alam menyebabkan sistem ekologi kita berubah, akibatnya 24 tidak menjadi, hidupan air pula pupus. Siapakah yang menanggung akibatnya jika hal ini 25?

21

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> A perhatian | <input type="checkbox"/> C diperhatikan |
| <input type="checkbox"/> B pemerhatian | <input type="checkbox"/> D perhati |

22

- | | |
|--------------------------------------|---------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> A tekanan | <input type="checkbox"/> C ditekankan |
| <input type="checkbox"/> B penekanan | <input type="checkbox"/> D tertekan |

23

- | | |
|--------------------------------------|------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> A mengancam | <input type="checkbox"/> C ancaman |
| <input type="checkbox"/> B terancam | <input type="checkbox"/> D diancam |

24

- | | |
|-------------------------------------|-------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> A penanam | <input type="checkbox"/> C ditanami |
| <input type="checkbox"/> B bertanam | <input type="checkbox"/> D tanaman |

25

- | | |
|--------------------------------------|---------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> A penerusan | <input type="checkbox"/> C meneruskan |
| <input type="checkbox"/> B menerusi | <input type="checkbox"/> D berterusan |

Soalan 26 hingga Soalan 36

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

26 Pengemis itukena langgar oleh bas ketika melintas jalan.

- | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------|
| <input type="checkbox"/> A hampir | <input type="checkbox"/> C nyaris |
| <input type="checkbox"/> B dekat | <input type="checkbox"/> D sipi |

27 Tayar kereta itu apabila tercucuk paku.

- A kempis
- B kemek

- C kendur
- D leper

28 Jambatan yang runtuh itu telahperjalanan kenderaan ke Pantai Timur Semenanjung.

- A mengganggu
- B menghalang

- C menahan
- D memutuskan

29 Anak penyu itu sebaik-baik sahaja menetas.

- A mendarat
- B melaut

- C memantai
- D membatu

30 Ia duduk di atas pangkin itu dengan kakike bawah.

- A terjuntai
- B tercecah

- C terjulur
- D tertadah

31 Jarum kompas itu beberapa kali sebelum berhenti pada kedudukannya.

- A berganjak
- B beralih

- C berpesong
- D berdenyut

33 Dua kasut kulit serta beberapakain buruk berselerak di muka pintu.

- A pasang cebis
- B buah gumpal

- C pasang ketul
- D dozenkepal

34 Beberapadarah lembu yang telah membeku itu dikuis -kuisnya dengan se ranting kayu.

- A tompok puntung
- B ketul batang

- C kepal ikat
- D titis berkas

35 Petani itu mengumpul beberapa rumput lalu diletakkan ke atas se pengandar.

- A ikat buah
- B cebis pasang

- C gemal batang
- D carik keping

36 Emak sempat menjamah sepulut dan memakan se sireh sebelum pulang.

- A gumpalberkas
- B kepal kapur

- C genggamtampuk
- D suap..... kacip

Soalan 37 hingga Soalan 38

Pilih simpulan bahasa yang **sesuai untuk** mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

37 "Kalau tidak tahu apa-apa, jangan membaiki kereta itu ' kata Ali kepada Nazri.

- A gatal mulut
- B gatal tangan

- C panjang tangan
- D ada hati

38 "Patutlah pasukan sekolah kita kalah. Cikgu mengambil pemain secara sahaja," jelas Lim.

- A pilih kasih
- B serkap jarang

- C tangkap muat
- D tangkap buta

Soalan 39 hingga Soalan 40

Pilih perkataan berganda yang bersyans dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud bilangan banyak.

39 I Penonton berduyun-duyun menuju ke Stadium Shah Alam.

II Kanak-kanak itu sedang bermain di bawah pokok.

III Kelip-kelip keluar pada waktu malam.

IV Ketika perahu itu tenggelam, awak-awaknya segera berenang ke tepi pantai.

- A** I sahaja
- B** I dan IV sahaja
- C** II dan IV sahaja
- D** II, III dan IV sahaja

40 I Berlambak-lambak buah durian di tepi jalan itu.

II Jalan menuju ke kampung itu lekak-lekuk.

III Emak membuat agar-agar untuk makanan pada waktu petang.

IV Di kaki bukit itu terdapat batu-batan yang pelbagai bentuk.

- A** I dan II sahaja
- B** I dan IV sahaja
- C** I, III dan IV sahaja
- D** II, III dan IV sahaja

Soalan 41 hingga Soalan 42

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud berulang-ulang.

41 I Budak itu berbuai-buai pada dahan pokok jambu.

II Entah-entah dia tiada di rumah pada waktu ini.

III Budak nakal itu mengacu-acu penumbuknya kepada saya.

IV Sambil menunggu kawannya, dia mundar-mandir di perhentian bas itu.

- A** I, II dan III sahaja
- B** I dan IV sahaja
- C** I, III dan IV sahaja
- D** II, III dan IV sahaja

42 I Kakak melambai-lambaikan tangannya kepada kami.

II Kayu-kayan di negara kita bermutu tinggi.

III Pokok padi itu liang-liuk ditiup angin.

IV Dadanya berombak-ombak selepas dikejar oleh seekor anjing.

- A** I dan II sahaja
- B** II dan III sahaja
- C** I, III dan IV sahaja
- D** I, II, III dan IV

Soalan 43 hingga Soalan 45

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang bergaris.

43 "Kamu jangan memandai-mandai membaiki radio itu, nanti lebih teruk jadinya," kata ayah kepada saya.

- A** Ayah memarahi saya kerana pandai membaiki radio yang rosak teruk itu.
- B** Ayah melarang saya membaiki radio itu kerana bimbang radio itu akan rosak lebih teruk.
- C** Ayah berkata saya pandai membaiki radio yang rosak teruk itu.
- D** Ayah meminta saya menggunakan kepandaian saya untuk membaiki radio yang rosak teruk itu.

44 Pihak kerajaan bercadang hendak menggubal undang-undang yang ketat bagi mengelakkan para remaja daripada melepak.

- A** Untuk membasmi kegiatan melepak di kalangan remaja, kerajaan bercadang hendak menggubal undang-undang.
- B** Undang-undang yang lebih ketat akan digubal oleh pihak kerajaan bagi mencegah remaja daripada melepak.
- C** Undang-undang yang lebih kemas kini dijangka dapat mengelakkan para remaja daripada terus melepak.
- D** Kerana bimbang dengan kegiatan melepak di kalangan remaja, kerajaan akan menggubal undang-undang yang lebih ketat.

45 "Kamu ni nampak gelisah sahaja. Kalau ada masalah ceritalah kepadaku," kata Habsah kepada kawannya, Mei Hwa.

- A** Habsah meminta Mei Hwa menceritakan sebab ia kelihatan gelisah itu.
- B** Apabila mendapati Mei Hwa kelihatan gelisah, Habsah meminta ia menceritakan masalahnya jika ada.
- C** Kerana kawannya nampak gelisah sahaja, Habsah meminta Mei Hwa menceritakan masalahnya itu.
- D** Habsah bertanya sebab Mei Hwa kelihatan gelisah dan jika ada masalah bolehlah sama-sama bercerita.

46 Meskipun mendapat tentangan daripada pencinta alam sekitar, kerajaan tidak berganjak dengan keputusannya untuk meneruskan projek empangan elektrik di Bakun itu.

- A** Projek empangan elektrik di Bakun itu akan diteruskan meskipun mendapat tentangan daripada pencinta alam sekitar.
- B** Kerajaan tetap dengan keputusannya untuk meneruskan projek empangan elektrik di Bakun itu meskipun mendapat tentangan daripada pencinta alam sekitar.
- C** Projek empangan elektrik di Bakun itu akan diteruskan oleh kerajaan meskipun mendapat bantahan daripada alam sekitar.
- D** Kerajaan akan menyambung projek empangan elektrik di Bakun itu meskipun terdapat bantahan daripada pihak pencinta alam sekitar.

Soalan 47 hingga Soalan 50

Pilih ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.

- 47 I Paru-paru kita dilindungi oleh tulang rangka yang kukuh.
II Kebanyakan rumah di kawasan itu tinggal rangka sahaja selepas dipukul ribut.
III Buatlah rangka karangan kamu dahulu sebelum mula mengarang.
IV Kami rangka akan tiba di kampung pada pukul 5.00 petang.

- A** II dan III sahaja
- B** III dan IV sahaja
- C** I, III dan III sahaja
- D** I, III dan IV sahaja

- 48 I Pelbagai jenis batu karang hidup di dasar laut.
II Pendapatan dasar ayah saya kira-kira lima ratus ringgit sebulan.
III Dasar bangunan itu dibuat daripada simen.
IV Pelukis itu memilih warna biru sebagai dasar lukisannya.

- A** I dan II sahaja
- B** I dan III sahaja
- C** I, III dan IV sahaja
- D** II, III dan IV sahaja

- 49 I Polis mengacu pistol ke arah penjahat itu.
II Maniam mengacu kasut itu sebelum membelinya.
III Dia telah mengacu kejadian itu kepada guru.
IV Emak mengacu adunan kuih ke dalam bekas sebelum dimasukkan ke dalam oven.

- A** I dan II sahaja
- B** II dan IV sahaja
- C** I,III dan III sahaja
- D** I,III dan IV sahaja

50 I Bangkai kapal itu tersadai di tepi pantai.

II Busuk sungguh bau bangkai anjing itu.

III Sejak jatuh sakit badan budak itu kurus seperti bangkai bernyawa.

IV Bangkai pokok itu diheretnya ke tepi jalan.

- A** I dan IV sahaja
- B** I, II dan III sahaja
- C** II, III dan IV sahaja
- D** I, II, III dan IV

<http://tatabahasabm.tripod.com>

Set soalan ini diambil dari laman web TM School On-Line

Jawapan bagi Set 5

1. C
2. D
3. D
4. C
5. D
6. C
7. D
8. B
9. D
10. B
11. C
12. A
13. A
14. B
15. D
16. C
17. B
18. B
19. A
20. B
21. A
22. B
23. B
24. D
25. D
26. C
27. A
28. B
29. B
30. A
31. C
32. A
33. A
34. B
35. C
36. B

- 37. B
- 38. C
- 39. B
- 40. B
- 41. C
- 42. C
- 43. B
- 44. B
- 45. B
- 46. B
- 47. C
- 48. C
- 49. D
- 50. B